



KENYATAAN MEDIA

PERKESO JALIN KERJASAMA DENGAN PROFIMA UNTUK LINDUNGI KEBAJIKAN KRU PRODUKSI FILEM YANG BEKERJA SENDIRI

KUALA LUMPUR – Kementerian Sumber Manusia (KSM) menerusi agensinya, **Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO)** telah menjalinkan kerjasama strategik dengan **Persatuan Pekerja Professional Filem Malaysia (PROFIMA)** menerusi pemeteraian **Memorandum Persefahaman (MoU)** dan pelancaran **Kempen Mencarum Skim Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri (SKSPS) PERKESO** untuk memperluas liputan perlindungan keselamatan sosialnya kepada **7,000** kru produksi dan tenaga kerja di balik tabir industri perfileman negara, hari ini.

Menerusi MoU tersebut, kedua-dua organisasi bersepakat untuk bekerjasama dalam memastikan ahli-ahli yang berdaftar di bawah PROFIMA seperti penerbit, pelakon, jurukamera dan juruvideo yang bekerja sendiri mendapat perlindungan keselamatan sosial dengan mendaftar dan mencarum di bawah SKSPS PERKESO.

Selain bermatlamat untuk meningkatkan kesedaran mengenai kepentingan perlindungan keselamatan sosial dan menggalakkan lebih ramai **Orang Bekerja Sendiri (OBS)** mencarum dengan PERKESO, kerjasama ini juga menjadi platform untuk memperluas inisiatif **SPS Seni** di bawah **Program SPS Padanan Caruman** kepada kru produksi dan pekerja di belakang tabir industri perfileman negara.

SPS Seni, yang diperkenal Kerajaan dalam **Bajet 2022**, disediakan khas buat para penggiat seni yang bekerja sendiri termasuklah kru produksi filem dan tenaga kerja belakang tabir. Menerusi inisiatif ini, Kerajaan menyediakan pembiayaan padanan caruman kepada OBS yang layak, di mana mereka hanya perlu membayar **20 peratus atau RM46.60 sahaja** daripada keseluruhan jumlah caruman **Pelan 2 SKSPS** iaitu sebanyak **RM232.80** bagi tempoh **perlindungan selama setahun**. Bayaran caruman

selebihnya iaitu **80 peratus** atau sebanyak **RM186.20** pula akan disumbangkan oleh Kerajaan.

Majlis pemeteraian MoU dan pelancaran Kempen Mencarum SKSPS PERKESO ini telah disempurnakan oleh **YB Datuk Haji Awang Hashim, Timbalan Menteri Sumber Manusia**. Turut hadir, **YBhg. Dato' Sri Dr. Mohammed Azman Dato' Aziz Mohammed, Ketua Eksekutif PERKESO** dan **YBrs. Encik Mohd Khalil Haji Saleh, Presiden PROFIMA**.

Sehingga kini, terdapat sekurang-kurangnya **5,078** penggiat seni telah berdaftar dan mencarum dengan PERKESO menerusi inisiatif SPS Seni, berbanding **20,000** jumlah sasaran atau kuota yang disediakan oleh Kerajaan. Sementara itu, seramai **376,333** OBS telah mendaftar dan mencarum di bawah SKSPS atau kira-kira **15.8 peratus** daripada keseluruhan **2.38 juta** OBS di seluruh negara.

SKSPS yang diperuntukkan di bawah **Akta Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri 2017 (Akta 789)**, menyediakan perlindungan **Skim Bencana Pekerjaan Sendiri** yang menawarkan **lapan (8)** jenis faedah kepada pencarum yang mengalami kemalangan atau kematian berkaitan aktiviti pekerjaan sendiri atau penyakit khidmat. Faedah yang disediakan adalah Faedah Perubatan, Faedah Hilang Upaya Sementara, Faedah Hilang Upaya Kekal, Elaun Layanan Sentiasa, Faedah Orang Tanggungan, Faedah Pengurusan Mayat, Kemudahan Pemulihan Jasmani atau Vokasional dan juga Pinjaman Pendidikan. Akta 789 meliputi OBS dalam **20 sektor** termasuk sektor kesenian.

PERKESO amat menggalakkan golongan bekerja sendiri di seluruh negara untuk mendapatkan perlindungan daripada SKSPS demi kebajikan dan kemanfaatan mereka dan keluarga sekiranya ditimpa kemalangan atau penyakit berkaitan aktiviti pekerjaan sendiri. Dengan perlindungan SKSPS, keluarga atau orang tanggungan kepada seseorang yang bekerja sendiri akan dibantu dalam meneruskan kelangsungan hidup dengan bantuan faedah PERKESO, setelah pencari nafkah meninggal dunia akibat kemalangan atau penyakit pekerjaan.

PERKESO berharap organisasi-organisasi lain mencontohi PROFIMA yang mengambil berat akan kebajikan ahli-ahli mereka, supaya lebih ramai golongan

bekerja sendiri mendapat perlindungan keselamatan sosial demi kesejahteraan Keluarga Malaysia.

Dikeluarkan oleh:

Bahagian Komunikasi dan Hal Ehwal Korporat

21 September 2022

Untuk sebarang pertanyaan, sila hubungi Shafiq Adnan di talian +6018 – 3246 720 dan Hamisah Hamid di talian +6019 – 3833 605.